

PAS enggan kerjasama dengan DAP

KUALA LUMPUR, Selasa — PAS tidak akan bekerjasama dengan mana-mana parti pembangkang, termasuk DAP dalam pilihanraya umum akan datang ini.

Presiden PAS, Datuk Haji Mohd. Asri Haji Muda menegaskan, soal kerjasama antara PAS dengan DAP tidak timbul sama sekali.

"Perkara ini tidak per-

lu saya jelaskan kerana setiap yang memahami perjuangan PAS akan mengetahui prinsip perjuangan parti," tegas beliau lagi.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas syor-syor DAP dan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) supaya parti pem-

bangkang berganding bahu untuk mengurangkan majoriti Barisan Nasional dalam pilihanraya umum ini.

Syor ini disuarakan sendiri oleh Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang dan juga Pengerusi PSRM, Encik Kassim Ahmad.

Majoriti

Pemimpin kedua parti berkenaan berpendapat, kerjasama antara parti pembangkang adalah perlu untuk mengurangkan majoriti dua pertiga Kerajaan Barisan Nasional.

Mereka berpendapat, dengan kemenangan kerusi dua pertiga BN dengan sewenang-wenangnya boleh meluluskan undang-undang tertentu.

Datuk Asri bagaimanapun enggan mengulas lebih panjang mengapa parti itu menolak kerjasama dengan lain-lain parti tetapi menurutnya, "PAS mampu berusaha sendiri untuk menghadapi Barisan Nasional."

Katanya, PAS mempunyai azam kuat untuk menambahkan kerusi yang ada sekarang. Kerusi PAS di Parlimen sekarang ialah lima buah.

Pemerhati politik berpendapat tindakan PAS ini memandangkan parti itu tidak mempunyai keuntungan langsung jika kerjasama wujud di kalangan parti pembangkang.

Ditangguh

Ketua Dewan Pemuda PAS, Encik Mustafa Ali pula menegaskan bahawa perjuangan PAS bukan sahaja untuk menentang BN bahkan untuk menentang pengaruh-pengaruh sosialism.

Katanya, kalau DAP dan PSRM menganut fahaman sosialism bagaimanakah PAS dapat bekerjasama dengan parti berkenaan.

"Adalah tidak lojik bagi PAS untuk bekerjasama dengan DAP dan PSRM atas prinsip berkenaan," tegas beliau lagi.

Mengenai muktamar Dewan Pemuda PAS bulan Mac ini beliau berkata, muktamar tersebut terpaksa ditunda memandangkan pilihanraya umum hampir tiba.

"Ini disebabkan tenaga Pemuda dikerahkan untuk menghadapi pilihanraya umum"

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia